

# Dinar emas satukan negara Islam



UNTUNG  
RUGI

ANUAR SHAH BALI MAHOMED

Pada 6 November 2023 yang lalu, penulis dalam ruangan Untung Rugi melalui artikel yang bertajuk '*Menelusuri tahun-tahun berlalu*' telah memberikan sudut pandang berkenaan keadaan yang lebih mencabar pada tahun-tahun mendatang.

Dalam tempoh kurang dari enam bulan selepas penulisan artikel tersebut diterbitkan, kita dikejutkan dengan serangan balas Iran ke atas Israel pada 13 April lalu susulan tindakan rejim Zionis yang sebelum itu menyerang Konsulat Iran di Damsyik, Syria pada 1 April 2024.

Iran telah melancarkan ratusan dron dan peluru berpandu ke atas Israel, dalam serangan yang datang sebagai tindak balas terhadap serbuan Israel ke atas konsulat Iran di Syria. Susulan itu, Asia Barat pada ketika ini telah berada dalam kancang perperangan dan konflik yang berkemungkinan menjadi lebih buruk.

Catherine Russell daripada UNICEF menyatakan bahawa lebih 13,800 kanak

-kanak telah terbunuh di Semenanjung Gaza sejak Israel memulakan perperangan pada 7 Oktober 2023. Kementerian Kesihatan Gaza pula sebelum ini menyatakan lebih 33,037 rakyat Palestin terbunuh dan 75,668 cedera dalam serangan tentera Israel ke atas Gaza.

Setiap jam, terdapat empat kanak-kanak Palestin terbunuh. Berapa ramai kematiankah baru negara Islam hendak bertindak? Adakah kita hanya mengharapkan kepada Iran sahaja untuk menghentikan keganasan Israel. Di manakah kesatuan negara Islam? Adakah negara Islam hanya melihat sahaja apabila saudaranya dibunuhi secara berterusan dan membiarkan kerakusan Israel membunuhi rakyat Palestin.

Sebenarnya sudah tiba masanya negara Islam bersatu khususnya dalam konteks penguasaan ekonomi dengan menggunakan pendekatan baharu untuk memperkasakan ekonomi ummah. Kita perlu mengambil perhatian serius terhadap penggunaan dinar emas dalam kalangan negara Islam sebagaimana yang disyorkan oleh Negarawan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Mengapa dinar emas lebih baik daripada sistem sedia ada? Pertama, dinar emas mempunyai nilai yang lebih stabil dan lebih bernilai pada tahun-tahun berlalu ini. Emas berpotensi mem-

punyai nilai yang jauh lebih tinggi pada masa akan datang. Ia juga berpotensi untuk tidak mudah dipengaruhi oleh inflasi. Ini menjadikan mata wang berdasarkan emas lebih berpotensi mempunyai kadar pertukaran yang lebih stabil berbanding mata wang kertas yang boleh dicetak mengikut keperluan.

Kedua, keyakinan pelabur terhadap penggunaan dinar emas. Emas sentiasa dianggap sebagai salah satu aset penting dalam kehidupan manusia sejak dulu lagi dan ia berpotensi menarik lebih ramai pelabur terutamanya pada ketika ekonomi dunia yang tidak menentu khususnya pada ketika ini. Umum mengetahui ekonomi dunia dan negara adalah amat tidak menentu disebabkan oleh pelbagai krisis termasuk krisis perperangan dan krisis makanan. Nilai emas sentiasa dilihat oleh pelabur sebagai nilai yang lebih terjamin berbanding sebahagian besar aset lain.

Ketiga, emas sebagai perisai terhadap krisis kewangan sistem dinar emas mempunyai daya tahan yang lebih baik jika berlaku krisis kewangan dan kejatuhan mata wang. Ia disebabkan nilai emas lebih dipercayai, terjamin dan mampu bertahan atau meningkat semasa krisis.

Akhirnya, sudah sampai masanya negara Islam secara keseluruhannya

bersatu melalui pelaksanaan dinar emas. Ia bukan sahaja mempunyai daya tahan yang lebih baik sebagaimana penjelasan di atas bahkan ia akhirnya akan menyatukan negara-negara Islam khususnya apabila menggunakan mata wang yang sama iaitu dinar emas dalam sebarang bentuk transaksi. Kita tahu bahawa kesatuan negara Islam menjadi lebih penting pada ketika ini dalam berhadapan dengan perperangan antara Palestin dan Israel serta perperangan antara Iran dan Israel, sudah masanya sudah tiba untuk negara Islam melaksanakan dinar emas sebagaimana cadangan Dr Mahathir.

Sekiranya ia dapat dilaksanakan, maka kekuatan ekonomi dalam kalangan negara Islam akan menjadi lebih baik khususnya dalam konteks penguasaan ekonomi ummah. Ia tentu sekali bakal menggerunkan Israel dan menenggelamkan keangkuhan negara itu yang tidak henti-henti sehingga saat ini membunuhi penduduk Palestin. Negara Islam perlu mulakan dari sekarang. Kalau bukan negara Islam siapa lagi, kalau bukan sekarang, bila lagi?

\* Dr. Anuar Shah Bali Mahomed  
Profesor Madya dan Timbalan Dekan  
Sekolah Perniagaan dan Ekonomi  
Universiti Putra Malaysia/The Future Research